

367 tangki statik, 42 lori tangki digerak jika berlaku kecemasan

Syabas sedia hadapi banjir

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
kota@utusan.com.my

SUBANG JAYA 7 Nov. - Syarikat Bekalan air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) telah mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan kejadian kecemasan jika berlaku banjir ekoran hujan lebat sekarang.

Ketua Pegawai Operasi Syabas, Datuk Ir. Lee Miang Koi berkata, pihaknya telah memastikan semua kakitangan teknikal dalam



Syabas turut mempertingkatkan pemantauan di semua lokasi cerun dan penyokong saluran paip

IR. LEE MIANG KOI

Ketua Pegawai Operasi Syabas

keadaan siap siaga untuk menghadapi masalah paip pecah, henti tugas loji rawatan dan sebagainya yang mengakibatkan gangguan bekalan air akibat banjir.

Katanya, Syabas juga telah menyediakan 367 buah tangki statik dan 42 buah lori tangki dalam keadaan siap sedia sekiranya diperlukan dan semasa kecemasan.

“Syabas turut mempertingkatkan pemantauan di semua lokasi cerun dan penyokong saluran paip, khususnya yang terletak di lokasi merentasi sungai yang berpotensi mengalami kerosakan sepanjang musim tengkujuh ini.

“Selain itu, instalasi-instalasi milik Syabas seperti kolam simpanan air serta rumah pam yang berkemungkinan dilanda banjir turut dipantau rapi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa program ‘Ho-

rey-horey Boling’ anjuran Syabas di Sunway Pyramid di sini petang semalam.

Perlawanan boling persahabatan dengan petugas media itu disertai 28 pasukan dari media dan 11 pasukan dari Syabas.

Pada pertandingan itu, pasukan *Utusan Malaysia* telah muncul juara, tempat kedua diraih oleh RTM1 dan ketiga *Sinar Harian*.

Wartawan *Utusan Malaysia*, Noor Diana Azis tampil sebagai pemain terbaik bagi kategori wanita.